

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Dato' Shamsul Anuar bin
Haji Nasarah
[Lenggong]**

TARIKH : 27.11.2014 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 17

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan :-

- (a) Pencapaian pembasmian kemiskinan Kementerian sehingga kini; dan
- (b) Bagaimanakah kedudukan rancangan Pembinaan Jalan Sambungan daripada Kg. Luat Lenggong ke Intan Suraya Sungai Siput yang tertangguh sehingga kini.

JAWAPAN (a):

Tuan Yang Di-Pertua,

(a) Dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke Sepuluh(RMKe-10), Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) di bawah Kementerian ini telah diperuntukkan sejumlah **1.13bilion** bagi pelaksanaan program-program pembasmian kemiskinan. Pencapaian pelaksanaan program-program di bawah SPKR adalah seperti berikut:-

- i) Bagi pelaksanaan PBR,sejumlah **53,376 unit** rumah telah dibina dan dibaik pulih berbanding sasaran 50,000 unit rumah dalam GTP 1.0. Pencapaian bagi GTP(2013) menunjukkan sejumlah 11,021 unit telah dibina dan dibaik pulih di kawasan luar bandar;
- ii) Di bawah PPP sejumlah **5,287 orang** peserta telah diberi bantuan kemudahan peralatan, premis/bengkel dan latihan untuk menjalankan kegiatan ekonomi berbanding 5,964 orang peserta yang telah disasarkan

sepanjang tempoh pelaksanaan RMKe-10 sehingga tahun 2014; dan

- iii) Bagi pencapaian di bawah Program Modal Insan, seramai **25,043 orang peserta telah mengikuti PPMI berbanding sasaran 6,665 orang peserta, seramai 16,977 orang peserta telah mengikuti PLKK berbanding sasaran 10,092 orang peserta dan seramai 20,395 orang peserta telah mengikuti PKP berbanding 20,000 orang peserta.**

- (b) Untuk makluman Yang Berhormat Dato', Projek Membina dan Menyiapkan Jalan Bukit Sapi – Chepor – Luat – Kg. Beng – Kg. Intan Suraya Fasa 3 (Kampung Beng ke Batu Reng), Hulu Perak merupakan projek yang disenaraikan di bawah program JALB RMKe-10 (*Rolling Plan Pertama*) dengan siling diluluskan oleh UPE, JPM berjumlah RM100,000.00. Pelaksanaan projek ini melibatkan pembinaan jalan sepanjang 4.6km, berdasarkan piawaian R3 dan 3 unit jambatan dengan anggaran kos berjumlah RM60.8 juta.

Namun begitu, memandangkan kos pembinaan projek ini terlalu tinggi, Kementerian telah memutuskan untuk menangguhkan pelaksanaan projek ini dan melaksanakan Projek Kampung Talong Luat ke Kampung Beng – Kampung Batu Reng dengan menggunakan skop jalan kampung. Pelaksanaan projek ini melibatkan pembinaan sepanjang 7.5km dengan kos berjumlah RM2,355,800.65 dan telah disiapkan sepenuhnya pada 16 Januari 2012.

Sekiranya projek ini masih ingin dilaksanakan, maka Kerajaan Negeri hendaklah menyenaraikan sebagai senarai keutamaan dan pihak Kementerian akan meminta Jabatan Kerja Raya (JKR) membuat semakan kos untuk diangkat semula kepada pihak Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk dilaksanakan dibawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) Tahun 2016. Pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak UPE, JPM dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.